

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Peruntukan Untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan <i>Sanitary Bin</i> di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan Bagi Tempoh 12 Bulan
TARIKH PELAKSANAAN	:	2 Februari 2022 – 31 Januari 2023 (12 bulan)
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	RM600.00 (12 bulan)/Operasi
BAHAGIAN/UNIT/WILAYAH	:	Pejabat MPC Wilayah Selatan
IMPAK	:	• Menjaga imej MPC Wilayah Selatan di dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. • Memastikan tahap kebersihan di kompleks MPC Wilayah Selatan berada pada tahap yang terbaik. • Mewujudkan suasana sihat dan selesa bagi warga dan pelanggan MPC Wilayah Selatan.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK PERKHIDMATAN
PENYELENGGARAAN *SANITARY BIN* DI KOMPLEKS
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN
BAGI TEMPOR 12 BULAN

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi permohonan peruntukan untuk perkhidmatan penyelenggaraan *sanitary bin* di kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan bagi tempoh 12 bulan bermula 2 Februari 2022 – 31 Januari 2023.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Kontrak perkhidmatan penyelenggaraan *sanitary bin* di kompleks MPC Wilayah Selatan sekarang dilakukan oleh **Rentokil Initial (M) Sdn. Bhd** dengan kadar kontrak adalah sebanyak RM46.50 sebulan atau RM558.00 bagi tempoh 12 bulan.

2.2 Buat masa ini, terdapat 5 lokasi *sanitary bin* diletakkan di tandas-tandas wanita yang terdapat di kompleks MPC Wilayah Selatan:

Bil	Kawasan	Unit
1	Tandas (P) Tingkat 1	1
2	Tandas (P) Tingkat Bawah	1
3	Tandas (P) TQM	1
4	Tandas (P) Asrama	1
5	Tandas (P) Dewan	1

3.0 JUSTIFIKASI/FAEDAH-FAEDAH

- 3.1 Kontrak sedia ada telah tamat dan MPC Wilayah Selatan perlu melantik syarikat yang baru bagi mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan *sanitary bin*.
- 3.2 Perkhidmatan penyelenggaraan *sanitary bin* adalah diperlukan bagi memastikan kebersihan di tandas adalah terkawal kerana *sanitary bin* ini turut dilengkapi dengan bahan kimia khas bagi mematikan kuman dan menghindari bau.
- 3.3 Bagi memastikan bahan buangan dari *sanitary bin* ini dilupuskan mengikut prosedur bahan buangan industri.

4.0 ANGGARAN KOS

- 4.1 Anggaran kos perkhidmatan penyelenggaraan *sanitary bin* untuk tempoh 12 bulan adalah berjumlah RM600.00 dan menggunakan peruntukan operasi.

5.0 SYOR


- 5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan Permohonan Peruntukan untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan *Sanitary Bin* di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan bagi tempoh 12 bulan dengan kos sebanyak RM600.00.

Disediakan oleh:



Nahdatul Faeizin Norman
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Selatan
Tarikh: 3 Januari 2022

Disahkan oleh:



Zainudin Elias
Pengarah Wilayah
MPC Wilayah Selatan
Tarikh: 3 Januari 2022